

Pusat kusta terus diceroboh

Kerajaan ambil tindakan tegas terhadap penceroboh: PM

Langkawi: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang didapati masih menceroboh tanah di kawasan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN).

Perdana Menteri berkata, pihaknya sudah dimaklumkan mengenai kegiatan berkenaan dan mengakui berlaku pelanggaran undang-undang oleh pihak terbabit.

“Kita akan ambil balik kawasan berkenaan. Orang ini (penceroboh) tahu mereka tidak boleh masuk ke kawasan yang diharamkan, tetapi masuk juga. Jadi kita akan bertindak mengikut undang-undang ke atas sesiapa saja yang melanggarnya,” katanya.

Bercakap kepada media selepas Majlis Ramah Mesra dan Penye-

rahan Daging Korban di Masjid Al Huda, Padang Mat Sirat, di sini semalam, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan melihat jika terdapat keperluan membangunkan semula kawasan PKKN mengikut kesesuaian pada masa depan.

Semalam, *BH* mendedahkan selepas lebih tiga tahun pencerobohan pendatang asing di PKKN didedahkan akhbar ini, keadaan terkini tidak banyak berubah apabila masih ada tanah milik kerajaan di sekitar pusat itu kekal diceroboh dengan perusahaan penanaman rumput dan nurseri.

Pekerja pula adalah warga asing, termasuk dipercayai pendatang asing tanpa izin dengan majoriti dari Indonesia dan sebahagian kecil warga Bangladesh.

Wartawan *BH* yang memantau kediaman bekas pesakit kusta juga mendapati ada yang masih berpenghuni, dipercayai diceroboh warga asing.

Keadaan itu menimbulkan persoalan sama ada pekerja asing terutama pendatang tanpa izin yang mengusahakan tanah dalam kawasan PKKN seluas 227 hektar itu atau digajikan oleh pihak tertentu, kebal daripada tindakan undang-undang.

Sementara itu, jurucakap Kementerian Kesihatan ketika dihubungi berkata, kementerian maklum mengenai isu terbabit dan meminta Bahagian Pembangunannya mengemukakan perkembangan semasa status premis PKKN, manakala kenyataan rasmi dijangka dikeluarkan hari ini.



Muka depan BH semalam.